

13 OCT 1997

113 SERTAI PAMERAN TECHXCHANGE '97

KUALA LUMPUR, 13 Okt (Bernama) -- Sebanyak 113 syarikat akan menyertai Persidangan dan Pameran Mengenai Teknologi Rusia yang memberi fokus kepada TechXchange '97 on Malaysian-Russian Collaboration yang bermula esok.

Menurut Pengurus Kanan Le Proton Exhibition Azma Rahman, 103 adalah syarikat Rusia dan 10 syarikat dari Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikannya esok pada pukul 2.30 petang, kata Azma kepada pemberita pada persidangan media di sini hari ini.

Menurutnya, Dr Mahathir juga akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Aerospace Technology Systems Corporation Sdn Bhd (ATSC) dengan Kerajaan Malaysia dan ATSC dengan Moscow Aircraft Production Organisation.

Syarikat-syarikat Malaysia yang menyertai pameran itu ialah Perwira Affin Bank, Permodalan Usahawan National Bhd, ATSC, Abrar Aviation Supplies Sdn Bhd, Universiti Kebangsaan (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), SIRIM, Malaysia Technology Development Corporation (MTDC), CASS Technology dan Telekom Malaysia.

Dianggarkan seramai 4,000 orang akan berkunjung ke pameran dan persidangan itu. -- BERNAMA

APG/SCY MA